

Dari Sebulan ke Sebulan

Baru-baru ini di Pusat telah timbul tuntutan daripada pegawai-pegawai kerajaan tentang kenaikan gaji kakitangan kerajaan. Pegawai pejabat pos telah mengadakan “*aturan kerja*” dan bomba di pusat juga telah melakukan demikian. Ini ialah senjata yang memaksa kerajaan “patuh” kepada tuntutan-tuntutan mereka. Tuntutan-tuntutan itu tentulah bakal menimbulkan beban yang besar kepada kerajaan. Kerajaan pusat telah mengisyiharkan keadaan darurat di seluruh Malaysia. Malaysia menghadapi konfrontasi Indonesia yang berupa serangan senjata dan menjadikan ia boleh disifatkan sebagai negeri dalam keadaan perang sekalipun peperangannya tidak rasmi. Segala perhatian ditumpukan kepada pertahanan negara supaya negara tidak dijajah oleh lain kuasa terutamanya daripada “kerjasama” di antara Indonesia dengan negeri (komunis) bagi menakluk Malaysia yang kaya raya ini. Jadi ada dua aliran dan kepada dua aliran inilah mesti kerajaan pusat berhati-hati menghadapinya dan kerana itu, untuk keselamatan negara telah wajarlah bagi kerajaan pusat menggunakan langkah darurat untuk memperundang-undangkan bahawa pemogokan diharamkan seluruh Malaysia. Sekarang bukanlah masanya untuk mengambil hati sesuatu golongan tetapi hendaklah diutamakan tiap-tiap kerja untuk menyelamatkan negara daripada segala kekacauan yang mungkin terbitnya daripada anasir-anasir dari luar.

* * *

Konfrontasi Indonesia telah berjalan setahun lebih. Berbagai-bagi ikhtiar telah dijalankan oleh kerajaan pusat bagi memberi penerangan kepada umat Indonesia

atas buruknya dan marabahayanya Presiden Sukarno dan adanya sifat-sifat Sukarno untuk menjajah di gugusan pulau-pulau Melayu bagi menjadikan dirinya *emperor* bagi gugusan pulau-pulau Melayu ini. Segala alat dakyah digunakan dan kita yakin kerajaan pusat sedang berusaha di dalam dakyah-dakyah mengingatkan umat Indonesia terhadap kepada penindasan Presiden Sukarno kepada umatnya dan bahayanya kalau Malaysia terletak di bawah kekuasaannya.

Malangnya radio dan televisyen Singapura yang terletak di bawah kekuasaan pusat dan siarannya dapat didengar dan dilihat di gugusan pulau-pulau Riau hampir-hampir tidak pernah mengadakan kupasan-kupasan terhadap kepada pencerobohan Sukarno bahkan sebaliknya tidak putus putusnya radio dan televisyen Singapura menyebarkan dan menunjukkan gambar-gambar dan ucapan pemimpin-pemimpin “PETIR” yang membidas kerajaan pusat. Pada hal siaran-siaran ini didengar oleh orang-orang di daerah Riau. Adakah ini baik untuk perkembangan dakyah pusat terhadap kepada Malaysia. Di manakah kuasa kerajaan pusat terhadap kepada siaran-siaran Riau dan televisyen Singapura ?

* * *

Peristiwa yang dahsyat dikatakan terjadi di selatan India berkenaan dengan kerajaan India menjadikan bahasa Hindi sebagai bahasa rasmi di daerah selatan India yang berbahasa Tamil. Peristiwa-peristiwa itu tersiar di dalam akhbar-akhbar dan tersiar pula dengan besar di radio dan televisyen Singapura. Rata-rata itu seolah-olah menunjukkan peristiwa-peristiwa yang maha besar. Orang syak



Al-Malik Idris al-Sanusi yang pertama hadir tatkala membuka Parlimen di Libya.

membesar-besarkan peristiwa-peristiwa bahasa itu ada kaitannya untuk

di dalam hal ehwal pelajaran di daerah Singapura.

mengapi-apikan persoalan bahasa Melayu dijadikan bahasa

Sudah tentu dasarnya berlainan dengan dasar kebangsaan

rasmi yang tunggal pada tahun 1967 di Persekutuan

yang dikehendaki oleh kerajaan pusat apa lagi pada

Tanah Melayu yang ditentang oleh golongan-golongan yang mahukan supaya

masa-masa yang lampau bahawa diketahui di Nanyang Universiti

bahasa-bahasa Cina dan Tamil juga dijadikan bahasa

itu ditanam benih-benih kiri yang bukan sahaja menentang kepada

rasmi bersama-sama.

pengertian pusat tetapi juga menentang kepada kerajaan

* * *

Baru-baru ini MCA Melaka telah mengambil

negeri Singapura. Dengan itu tidaklah bijak kerajaan

keputusan meminta supaya kerajaan Malaysia mengiktiraf

pusat muhu mengiktiraf kelulusan Nanyang Universiti

kelulusan Universiti Nanyang dan menjadikan bahasa

bahkan orang-orang di pusat sendiri mengetahui bahawa apabila

Cina untuk dijadikan bahasa yang diambil kelulusan

di Singapura telah mengiktiraf kelulusan Nanyang

di dalam peperiksaan Cambridge. Nanyang Universiti adalah

Universiti maka jabatan-jabatan kerajaan Singapura

terletak di dalam Singapura yang dasar pelajarannya dikuasai

dibanjiri oleh kelulusan-kelulusan Nanyang ini.

oleh kerajaan Singapura yang mempunyai kuasa autonomi

* * *

Mengenai keputusan menuntut kerajaan pusat

menjadikan bahasa Cina sebagai mata kelulusan di dalam

peperiksaan *School Certificate* bagi mereka itu adalah bererti ini menjadi suatu langkah yang pertama untuk memecahkan dasar bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal di seluruh Malaysia. Jika kerajaan pusat menerima bermakna melorongkan cita-cita golongan yang menjadikan bahasa Cina juga sebagai bahasa bersama yang digunakan di seluruh Malaysia. Sebenarnya tuntutan ini sangat didukacitakan didatangkan oleh MCA yang berkongsi memerintah di dalam perikatan sekarang di dalam mana pemimpinnya mengakui bahawa mereka adalah orang yang tidak berbelah bahagi ketaatannya kepada Malaysia. Hubaya-hubaya berhati hatilah.

* * *



Al-Malik Idris al-Sanusi yang pertama raja bagi Libya.

perarakan membantah kepada kerajaan menangkap pemimpin-pemimpin mereka. Mereka berkeras juga melanggar perintah dan mereka mahu juga mahu mengadakan rapat umum bagi menunjukkan bantahan itu. Sepanduk sepanduk dan poster-poster banyak kelihatan tetapi hampir semuanya dengan tulisan kanji. Muka muka yang mengadakan perarakan itu matanya sepet-sepet dan kita pun T.S.T lah siapa dia, inikah sebahagian orang yang taat setia kepada negeri ini ? Pukul burung mengukurnya jadilah.

* * *

Semenjak kerajaan Burma diperintah oleh orang-orang *sosialist* dan agama Budda maka tidak seseorang pun penduduknya yang dibenarkan untuk pergi ke luar negeri dalam menunaikan tujuan agamanya. Perintah-perintah itu meliputi juga kepada orang Islam di Burma dan kerana itu di dalam beberapa tahun yang lepas tidak ada seorang pun orang Islam yang dapat menunaikan fardu haji dari Burma itu.

Sekatan-sekatan yang serupa ini sepatutnya tidak akan dikenakan kepada orang Islam disebabkan haji bagi orang Islam itu ialah suatu tugas yang wajib dijalankan oleh tiap-tiap orang Islam sekali dalam seumur hidupnya. Perbuatan perbuatan menahan orang Islam di Burma daripada menunaikan fardu haji itu bukannya hanya menyakiti umat Islam di Burma tetapi juga menyakiti perasaan seluruh umat Islam di dalam dunia.

* * *

Baru-baru ini di ibu negara Malaysia telah terjadi suatu rusuhan apabila kerajaan Malaysia mengharamkan permintaan *socialist front* untuk mengadakan

Rumah UMNO Singapura telah dibuka oleh Tengku Abdul Rahman baru-baru ini. Ramai orang telah hadir menerima undangan itu sama ada dari kawan ataupun dari lawan. Semuanya menunjukkan muka untuk bersama-sama di dalam satu keramaian menerima undangan itu. Hanya sekali lagi hanya bung dari "PETIR" tidak Nampak walau seorang pun di situ. Orang bertanya adakah UMNO tidak mengundang mereka. Jawapannya yang diterima

undangan telah diterima tetapi mereka barangkali boikot. Begitutah mungkin kerana dah terasa Tengku akan membidas kata-kata mereka yang lepas-lepas sahaja semahu mahunya untuk menimbulkan masalah perkauman yang mungkin dicari oleh “PETIR” sebagai suatu jalan untuk memecahkan perpaduan di dalam Malaysia.

* * *

Tangkapan tangkapan kepada pemimpin-pemimpin yang dikatakan ada berkaitan dengan kerajaan Indonesia untuk menubuhkan “kerajaan buangan” Malaya di luar negeri telah berlaku. Di antara yang ditangkap itu ada orang-orang dari “PAS”. Tangkapan terhadap orang “PAS” ini mengingatkan semula kepada kritik majalah ini terhadap kepada “PAS” apabila melantik Dr Burhanuddin sebagai ketuanya sebab perdirian Dr Burhanuddin di dalam persoalan agama masih samar-samar kerana ia lebih baik berjuang kepada pengertian kebangsaan daripada pengertian perjuangan agama. Ini bertambah tambah lagi apabila ia menjadi Yang di-Pertua berduyun-duyunlah orang-orang yang tadi seperjuangan dengannya yang berasal dari *Malay Nationalist Party* yang diharamkan itu memasuki “PAS” untuk tapaknya berjuang. Dengan peristiwa ini pemimpin-pemimpin “PAS” yang ada hendaklah berhati-hati dan hendaklah mengadakan tapisan kepada orang-orang yang memasuki “PAS” sampai jangan “PAS” diperalat oleh mereka.

* * *

Terbit daripada konfrontasi maka dari sesuatu ke satu masa Indonesia bukannya saja mengacau sempadan Sabah dan Sarawak tetapi selalu benar sudah menyeberangi Selat Melaka untuk “menyerang” tanah besar Malaysia. sungguhpun rombongan-roombongan ini kecil tetapi ia boleh menyusahkan terutamanya apabila mereka dapat bertapak dengan sokongan-sokongan orang dari dalam yang sudah

tentu terdiri daripada orang-orang yang tak puas hati dengan tertubuhnya Malaysia dan orang-orang yang boleh dijadikan alat dan sememangnya alat bagi kerajaan luar untuk menguasai Malaysia ini dengan orang-orangnya. Kejadian-kejadian ini bolehlah dipandang sebagai permulaan daripada suatu perperangan dan kerana itu menjadilah suatu kewajipan kerajaan untuk keselamatan Malaysia, bukan sahaja mengawal sempadan, menghalang ketibaan musuh dari luar tetapi hendaklah bertindak tegas kepada musuh-musuh yang ada di dalam yang cuba merosakkan Malaysia di tanah air sendiri. Untuk ini janganlah hendaknya kerajaan menunggu sesuatu peristiwa baru bertindak, tetapi bertindaklah dari sekarang bagi menghapuskan parti-parti atau golongan yang disangka atau difikirkan boleh mencederakan kesejahteraan dan keamanan di dalam tanah air kita ini.

* * *

Di dalam sandiwara televisyen Singapura ada dibawa satu cerita bagaimana seseorang anak perempuan dari seseorang ibu telah berkahwin dengan ayah bagi seorang anak lelaki yang berkahwin pula kepada ibu anak perempuan itu dan ayah bagi anak perempuan yang berkahwin dengan ayah suami ibunya itu hendak berkahwin pula dengan anak tiri bekas isterinya yang berkahwin dengan ayah itu tadi. Perkara yang tidak menyenangkan di dalam cerita itu bukanlah perkara cerita hendak kita tegur tetapi perkara yang sangat tidak menyenangkan bahawa mereka seolah-olah menyentuh hukum-hukum Islam dengan tidak berpengetahuan dan mungkin tidak bertanya menyatakan bahawa kedudukan yang seumpama itu sah menurut agama Islam padahal jika benar terjadi demikian, keadaan yang seperti itu, wajib salah seorang difasakhkan kerana ia diharamkan oleh Islam. Ingat-ingatlah jangan memandai-mandai kerana memandai-mandai itu menyesatkan orang-orang awam !!!